

Anwar minta PAS kemuka pandangan

MARANG, Jumaat — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim, mengajak pemimpin PAS dan badan-badan Islam lain mengemukakan pandangan konkrit mengenai Universiti Islam dan Bank Islam di negara ini.

Setakat ini badan-badan Islam lain serta pakar-pakar dan ahli fikir Islam seluruh dunia memberi pandangan mengenai hal itu, tetapi pemimpin PAS belum lagi berbuat demikian.

Katanya, perakuan jawatankuasa Bank Islam dan Universiti Islam sudah sampai ke peringkat akhir tetapi Kerajaan masih lagi memerlukan pandangan dari badan-badan Islam, terutama dari PAS.

"Kita mahukan program itu teratur dan lengkap tentang cara mana dan apakah bentuk serta falsafah Universiti Islam dan Bank Islam," katanya ketika berucap di Majlis Dakwah Islamiah di sini malam tadi.

Encik Anwar menyeru mereka yang melaung-laung ingin memperjuangkan Islam dan menggunakan Islam sebagai slogan politiknya, supaya menghadapi kenyataan dalam soal ini.

"Kita masih menunggu pandangan konkrit dari PAS mengenai perkara ini dan pemimpin parti itu tidak harus menggunakan isu tersebut untuk menegangkan semangat atau membakar semangat orang-

orang kampung," tambahnya.

Beliau berkata, Kerajaan sedang menuju ke satu arah penerapan Islam ke dalam generasi Islam dengan mengadakan program pendidikan yang menyeluruh serta mencakup kesemua aspek di samping penerapan melalui agensi Kerajaan, pejabat daerah dan pejabat belia seluruh negara.

"Universiti Islam akan menjadi model pendidikan Islam di negara ini dan terpulanglah kepada belia kita untuk menentukan arahnya," ujarnya.

Menurutnya, kaum belia juga harus mengambil sikap terbuka bagi melihat buktinya dari usaha itu

dalam jangka masa panjang dan ianya bukan sebagai slogan politik semata-mata.

"Islam tidak akan dapat ditegakkan tanpa dibaiki fahamannya dalam semua bidang dan menyusun program secara teratur dan berkesan," katanya.

Encik Anwar menambah, pentadbiran Kerajaan juga akan di scrapkan dengan nilai-nilai kefahaman Islam di samping berusaha dengan bersungguh-membasmi penyelewengan dan rasuah di semua peringkat.

Katanya, Kerajaan juga mahukan semua pihak menegur di mana salah dan silapnya dalam menyusun program dan pentadbiran di negara ini.